

10 JUL 1999

Mahathir-Hiburan

TAPAK PERKAMPUNGAN HIBURAN DIKENALPASTI: KATA DR MAHATHIR

CYBERJAYA, 10 Julai (Bernama) -- Kawasan seluas 480 hektar telah dikenalpasti untuk dijadikan perkampungan hiburan di Koridor Raya Multimedia (MSC), kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata.

Kawasan itu terletak bersebelahan Cyberjaya (satu daripada dua bandar pintar MSC) dan tidak jauh dari Dengkil, Sepang, katanya pada persidangan berita di akhir mesyuarat anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC di sini hari ini.

Dua belas anggota IAP dan 13 daripada wakilnya menghadiri mesyuarat tiga hari itu.

Dr Mahathir berkata penubuhan perkampungan hiburan adalah relevan dengan keseluruhan kegiatan MSC kerana pengwujudan kandungan multimedia di dalam kawasan itu boleh digunakan oleh studio pembikinan filem, yang akan berada di dalam perkampungan itu.

"Pekerja-perkerja berpengetahuan (dari perkampungan hiburan itu) boleh menjalankan pelbagai kegiatan dan berinteraksi dengan universiti-universiti serta makmal penyelidikan di sini," katanya.

Penubuhan perkampungan itu pertama kali diumumkan oleh pengerusi eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) Sdn Bhd Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah pada hari pertama mesyuarat itu. MDC adalah pemaju dan penganjur MSC.

Di samping studio itu, perkampungan berkenaan akan menempatkan taman tema, sebuah makmal dan resort percutian.

Pembinaannya dijangka bermula sebelum akhir tahun ini.

Mengenai pertemuan beliau secara individu dengan anggota-anggota IAP semalam dan hari ini, Dr Mahathir berkata mereka semua telah melahirkan komitmen untuk melabur dan melabur semula di dalam projek pusat multimedia itu.

Ditanya sama ada MSC akan mengkaji semula sasarannya memandangkan ia telahpun mencapai kemajuan pesat dan mendahului tarikh yang ditetapkan dalam menarik syarikat-syarikat ke kawasan itu, katanya: "Saya fikir kita harus meneruskan usaha."

Setakat ini, kira-kira 225 syarikat telah memperolehi status MSC daripada 285 yang memohon.

Kini terdapat 32 syarikat yang merekacipta kandungan web bertaraf dunia, memperolehi status MSC. Bilangan ini melebihi sasaran asal 50 menjelang 2003.

Bagi sesetengah anggota IAP, kepantasan memajukan prasarana dalam tempoh tiga tahun cukup mengagumkan kerana ia memakan masa 30 tahun untuk Silicon Valley berbuat demikian, katanya.

Dr Mahathir berkata anggota-anggota IAP juga memberikan beberapa idea mengenai pelan induk Perdagangan Elektronik (E-Dagang) semasa pertemuan secara individu itu.

"Mereka memberikan sedikit bayangan tentang apa yang boleh dilakukannya bagi negara ini, apa yang boleh kita jangkakan dan bagaimana E-Dagang menjadikan beberapa undang-undang tidak boleh diterima pakai," katanya.

Bagi undang-undang siber, Dr Mahathir berkata anggota-anggota IAP itu merasakan bahawa Malaysia agak maju berbanding negara-negara lain walaupun mereka berpendapat beberapa aspek tertentu perlu disemak.

Katanya dengan pergerakan teknologi multimedia yang begitu pantas, undang-undang siber yang diluluskan sekarang akan menjadi lapuk di masa

akan datang.

Tentang kemungkinan Singapura mengambil tindakan undang-undang terhadap Malaysia bagi menyelesaikan isu CLOB, Dr Mahathir berkata: "Kita tengok apa yang akan terjadi."

Dalam satu wawancara dengan Financial Times, Timbalan Perdana Menteri Singapura, Brig. Gen. Lee Hsien Loong tidak menolak kemungkinan mengambil tindakan undang-undang bagi mengakhiri kebuntuan mengenai saham-saham Malaysia yang dahulunya diniagakan di Central Limit Order Book International (CLOB) di republik itu.

-- BERNAMA

TM/KY MA RON